

## Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran di Institusi Tahfiz Terpilih Daerah Kuching, Sarawak

*The Students' Perceptions of Teaching and Learning Methods for Quranic Memorization at Selected Tahfiz Institutions in the Kuching District, Sarawak*

Syed Abdul Aziz bin Wan Yusuf<sup>1</sup> and Hadenan bin Towpek<sup>2\*</sup>

<sup>1,2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Sarawak, Jalan Dato Mohd Musa, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

\*emel: hadenan298@uitm.edu.my

**Published:** 25 April 2024

**To cite this article (APA):** Wan Yusuf, S. A. A., & Towpek, H. (2024). Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran di Institusi Tahfiz Terpilih Daerah Kuching, Sarawak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(1), 32–53. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.4.2024>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.1.4.2024>

### Abstrak

Sungguhpun pengajian hafazan al-Quran menjadi teras pendidikan terutamanya di negara-negara Arab secara umum, namun ia boleh dikatakan baharu di Malaysia yang bermula puluhan tahun kebelakangan ini khususnya di negeri Sarawak. Justeru itu, artikel ini berobjektifkan untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di institusi pengajian tahfiz al-Quran (IPTQ) terpilih, Daerah Kuching, Sarawak. Kajian ini menggunakan metode tinjauan soal selidik sebagai metode utama kajian. Terdapat enam konstruk kaedah PdP hafazan al-Quran. Ia terdiri daripada *talaqqi* dan *musya>fahah, takri>r*, kefahaman, *tasmi*, *tadarrus* dan *kita>bah*. Kajian ini menggunakan prosedur persampelan bukan kebarangkalian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Ia dibahagikan mengikut klasifikasi lokasi premis IPTQ terpilih di Daerah Kuching dengan ciri-ciri tertentu. Ia melibatkan sejumlah 318 responden pelajar yang terdiri daripada 196 responden lelaki (61.64%) dan 122 responden perempuan (38.36%). Hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran secara keseluruhannya berada pada tahap rendah (min = 2.01; s.p = 0.33). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian memberi persepsi terhadap pemahaman, pengetahuan, pelaksanaan dan amalan kaedah PdP hafazan al-Quran di IPTQ terpilih masih lagi pada tahap yang rendah. Namun, dari sudut turutan kelas keutamaan persepsi penerimaan pelajar terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran dari yang tertinggi kepada yang terendah adalah seperti berikut Kaedah *Tasmi* (292 responden, 91.82%), Kaedah *Talaqqi* dan *musya>fahah* (291 responden, 91.5%), Kaedah *Takri>r* (284 responden, 89.3%), Kaedah *Tadarrus* (248 responden, 77.98%), Kaedah *Kita>bah* (242 responden, 76.10%), dan Kaedah Kefahaman (199 responden, 62.58%). Jelaslah kaedah *tasmi* dan kaedah *talaqqi* dan *musya>fahah* juga menjadi pilihan utama menjadi amalan berterusan para pelajar dalam PdP hafazan al-Quran. Secara keseluruhannya hasil kajian ini mengakui keenam-enam kaedah ini masih lagi mendapat perhatian dan penekanan di kalangan penghafaz al-Quran. Para pelajar perlu komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan keenam-enam kaedah PdP ini supaya objektif PdP hafazan al-Quran dapat dicapai dengan lebih baik.

**Kata kunci:** Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran, Hafazan al-Quran, Pendidikan Islam di Sarawak

### Abstract

*Although the study of Quranic memorization has been the core of education, especially in Arab countries, it can be considered relatively new in Malaysia, particularly in the state of Sarawak, starting only a few decades ago. Therefore, this article aims to analyze students' perceptions of the implementation of teaching and learning methods for Quranic memorization in selected Quranic memorization institutions (QMI) in the Kuching District, Sarawak. This study utilized a survey questionnaire method as the primary research approach. There are six*

constructs of *Quranic memorization Teaching and Learning (TL) methods*, namely *talaqqi>* and *musya>fahah, takri>r, understanding, tasmī>‘, tadarrus, and kita>bah*. The sampling procedure employed a purposive sampling method, categorized according to the classification of selected QMI premises locations in the Kuching District with specific characteristics. It involved a total of 318 student respondents, comprising 196 male respondents (61.64%) and 122 female respondents (38.36%). The study found that the respondents' perceptions of *Quranic memorization TL methods* overall were at a low level (min = 2.01; s.p = 0.33). These findings indicate that respondents perceive the understanding, knowledge, implementation, and practice of *Quranic memorization TL methods* in the selected QMI to be still at a low level. However, in terms of priority ranking of student acceptance perceptions of *Quranic memorization TL methods* from highest to lowest, they are as follows: *Tasmī>‘* method (292 respondents, 91.82%), *Talaqqi>* and *musya>fahah* method (291 respondents, 91.5%), *Takri>r* method (284 respondents, 89.3%), *Tadarrus* method (248 respondents, 77.98%), *Kita>bah* method (242 respondents, 76.10%), and *Understanding* method (199 respondents, 62.58%). It is evident that the *Tasmī>‘* and *Talaqqi>* and *musya>fahah* methods are also the preferred choices for continuous practice among students in *Quranic memorization TL*. Overall, this study acknowledges that these six methods still receive attention and emphasis among *Quranic memorizers*. Students need to be committed and earnest in implementing these six *TL methods* so that the objectives of *Quranic memorization TL* can be achieved more effectively.

**Keywords:** *Students' Perceptions of Teaching and Learning Methods, Al-Quran Memorization, Islamic Education in Sarawak*

## PENGENALAN

Hafazan al-Quran merupakan salah satu proses pendidikan awal yang diterima seseorang individu muslim sebelum meneruskan pengajian agama yang lebih tinggi bagi melahirkan golongan agamawan dan golongan profesional. Ia menjadi teras pendidikan terutamanya di negara-negara Arab secara umum. Dalam konteks ini, hafazan al-Quran merupakan induk selain daripada penguasaan bahasa Arab yang mantap sebelum penerokaan ilmu-ilmu Islam dalam pelbagai jurusan. Ini kerana kandungan al-Quran itu difahami oleh para ulama sebagaimana berikut:

*“It is Arabic utterance or words indicating or explaining the meaning of the speech of Allah sent down to the Prophet SAW, conveyed by the Angel Gabriel and written in the book, transmitted to us by t}awa>tur (continuous testimony) starts with the surah al-Fa>tih}ah and concludes with surah al-Na>s.” (Saim Kayadibi, 2018:46)*

Jelaslah bahawa al-Quran itu merupakan rujukan utama dalam kehidupan muslim sejak dari dahulu lagi, kini dan akan datang sehingga berlakunya hari kiamat. Selain sumber al-Quran, sumber al-Sunnah juga dianggap sumber kedua dalam kehidupan dan perundangan Islam. Dalam hal ini, al-Sunnah bolehlah difahami sebagaimana berikut:

*“The Sunnah of the Prophet SAW is a proof of Islamic law, and attests to the Quran authority. As the Quran indicates the Prophet’s teachings are also divinely inspired. “Nor does he speak of (his own) desie. It is only a revelation revealed.”(Surah al-Najm, 3-4) (Saim Kayadibi, 2018:48).*

Kajian Solahuddin Ismail (2016) menjelaskan bahawa sehingga kini, perkembangan pengajian dan institusi tahfiz di Malaysia amat memberangsangkan. Kesedaran masyarakat Islam Malaysia umumnya tentang perlunya mendekati diri dengan al-Quran semakin menebal dan mendapat perhatian. Natijahnya, terdapat banyak pusat pengajian dan institusi tahfiz telah wujud dan menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Matlamatnya adalah satu iaitu untuk membuka ruang dan peluang kepada masyarakat yang berminat untuk menghafaz dan mengingati ayat-ayat suci al-Quran. Selanjutnya Solahuddin Ismail (2016) menjelaskan juga bahawa atas kesedaran betapa Islam itu penting untuk pembangunan insan manusia telah menyebabkan ramai ibu bapa yang mahu anak-anak mereka dididik dengan norma-norma Islam. Dengan itu, banyak institusi pengajian Islam yang menawarkan pakej pengajian Islam termasuklah institusi tahfiz.

Sehubungan itu, artikel ini merupakan sebuah penyelidikan dengan hasrat untuk meneroka, mengenalpasti, meneliti, dan memerihalkan secara umum persepsi pelajar terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Sementara premis kajian adalah institusi pendidikan yang menyediakan kurikulum hafazan al-Quran di Daerah Kuching, Sarawak.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Pembangunan sumber manusia merupakan suatu perkara yang signifikan dalam pembangunan sesebuah negara termasuklah di Malaysia. Dalam hal ini, terdapat beberapa penyelidik yang membahaskan pembangunan sumber manusia dari perspektif Islam. Umpamanya, Siti Arni Basir (2004) menyatakan bahawa Islam menerangkan pembangunan manusia adalah melalui memperkasakan sahsiah diri seseorang muslim sekali gus mendorongnya untuk menyampaikan apa-apa jua perkhidmatan kepada masyarakat. Dalam hal ini, Siti Arni mengakui kepentingan pembangunan yang bersifat komprehensif dan kolektif seiring dalam kelompok komuniti sebagaimana dituntut dan dianjurkan dalam agama Islam sebagai cara hidup berterusan dan beriltizam.

Sementara Mohd Fauzi dan Mohd Khairul Naim (2012) pula menggunakan gagasan pembangunan modal insan sebagai korpus perbincangan yang signifikan sebagai suatu trend memperkasakan bidang ekonomi dan pentadbiran sesebuah negara yang pesat membangun. Antara rumusan yang menarik sebagaimana disimpulkan dalam jurnal oleh Mohd Fauzi dan Mohd Khairul Naim adalah seperti berikut:

*“... Pembangunan insan ini pula dibangunkan dalam diri dan di luar diri manusia. Ia bergerak seiring dengan pembangunan dan tidak boleh ditinggalkan dalam rangka kerja yang lain. Ini kerana pembangunan Islam ialah pembangunan yang bersepadu dan menyeluruh meliputi rohani dan jasmani serta dunia dan akhirat ...”* (Mohd Fauzi dan Mohd Khairul Naim, 2012)

Didalam dimensi yang lebih lanjut lagi, sama ada pembangunan sumber manusia mahupun pembangunan modal insan, kedua-dua aspek pembangunan ini tidak dapat lari malah masih berakar tunjang, berpaut kukuh, dan mengambil petunjuk dan pedoman daripada al-Quran al-Karim sebagai rujukan paling penting dan utama bagi kehidupan muslim, dan juga bidang pembangunan; bahkan mencakupi juga keseluruhan aspek kehidupan yang sangat memerlukan mukjizat al-Quran ini.

Perkara ini juga boleh dirujuk hasil kajian Muhammad Zulazizi et al. (2021), yang memfokuskan kajian berkaitan pembangunan sumber manusia dan modal insan yang menjurus dalam pendidikan al-Quran secara lebih khusus dalam konteks tahfiz al-Quran. Hasil kajian ini juga menjelaskan bahawa pemerkasaan amat perlu dilakukan dalam segenap aspek dalam bidang ini; umpamanya sudut pengurusan, urus tadbir, kualiti pengajaran dan lain-lain lagi. Dengan adanya usaha pengukuhan ini akan menatijahkan generasi *huffa>z}* yang lebih berperanan dalam ketamadunan manusia secara khususnya di Malaysia.

Dalam konteks Negeri Sarawak, perkara ini boleh dikaitkan dengan pernyataan yang dikeluarkan oleh Datuk Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak semasa menyampaikan ucapan aluan bersempena Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sarawak 1440H/2019M. Beliau menegaskan bahawa dalam rangka memperkasa institusi tahfiz di Sarawak, Majlis Islam Sarawak telah mengambil pendekatan proaktif dengan membantu dari sudut pendaftaran institusi tahfiz, penggubalan Kaedah Institusi Tahfiz iaitu garis panduan bagi memastikan kebajikan, pembangunan dan hala tuju institusi ini terjaga, dan kesediaan Tabung Baitulmal Sarawak dalam membantu pelajar-pelajar tahfiz melanjutkan pengajian dalam bidang tahfiz. (Misnu bin Haji Taha, 2019).

Misnu Taha turut menyatakan pendirian Majlis Islam Sarawak bahawa IPTQ di Sarawak harus mengambil kira beberapa aspek utama seperti tahap pengajian peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi, penarafaan dan pengiktirafan sijil, hala tuju pengajian di dalam dan luar negara, keperluan kolaborasi yang bersifat silang ilmu dan sebagainya. Hal ini akan membuka prospek yang luas ke atas perkembangan IPTQ di Sarawak. Dalam masa yang sama, kepelbagaian tersebut seperti dinyatakan akan menatijahkan isu-isu dan cabaran yang perlu dihadapi dalam pendidikan tahfiz. Justeru itu, artikel ini menumpukan penyelidikan ilmiah berkaitan institusi pengajian tahfiz al-Quran di Sarawak dengan menghusus dan memperincikan kepada aspek kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran.

## **PENYATAAN MASALAH KAJIAN**

Sepertimana sesuatu permasalahan kajian itu digambarkan dan dibingkaikan, maka ia memberi panduan dan menunjuk jalan seterusnya dalam menelusuri aktiviti-aktiviti penyelidikan. Pernyataan ini memberi gambaran umum senario mengenai persoalan kajian yang dilakukan ini, bahkan ia lebih memudahkan dan melancarkan aktiviti-aktiviti penyelidikan yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Dalam hal ini, kajian Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi (2010:13), merumuskan bahawa dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, tugas menyampai dan mengajar ajaran Islam di sekolah-sekolah, secara rasminya terletak pada para guru Pendidikan Islam. Oleh itu, keberkesanan pengajaran dan pembelajara (PdP) Pendidikan Islam di sekolah bergantung kepada keupayaan dan peranan guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, kaedah PdP yang sesuai dengan keperluan semasa perlu dikuasai oleh guru Pendidikan Islam agar proses PdP yang dilaksanakan dapat menarik minat pelajar dan memberikan kesan yang positif kepada mereka. Penggunaan strategi dan kaedah mengajar yang sesuai dengan tahap kecerdasan adalah ciri-ciri kemahiran mengajar yang perlu ada pada setiap guru. Malah, kaedah dan teknik pengajaran yang baik boleh menyumbang kepada mutu PdP yang berkesan. Lantaran itu, rumusan Ab. Halim dan Nik Mohd Rahimi ini begitu berkaitan dengan fokus PdP hafazan al-Quran yang bertunjangkan aspek pengkaedahan.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Azmil Hashim *et. al* (2014), boleh menjadi rujukan penting dalam memberi idea dalam mengembangkan dan memahami persoalan kajian ini, di mana kaedah pengajaran dan pembelajaran menjadi faktor utama dalam usaha pemeliharaan hafazan al-Quran dalam ingatan pelajar. Menurut Azmil Hashim *et. al* (2014) terdapat enam kaedah utama pengajaran dan pembelajaran dalam pengajian tahfiz iaitu *talaqqi*> dan *musya>fahah, takri>r*, kefahaman, *tasmi*>’, *tadarrus* dan *kita>bah*.

Selanjutnya Azmil Hashim *et. al* (2014) juga menjelaskan bahawa senario yang berlaku di negara Malaysia sejak kebelakangan ini menyaksikan sekolah atau institut pengajian yang menawarkan program hafazan al-Quran semakin tumbuh dengan pesat. Dalam hal ini Misnu Taha (2019) dengan optimis menjelaskan bahawa sambutan yang sangat baik di kalangan orang-orang Islam di Sarawak bagi menekuni kandungan al-Quran memberi kesan yang positif khususnya dalam meningkatkan kemajuan Institusi Pengajian Tahfiz al-Quran (IPTQ) di Sarawak. Beliau mengakui bahawa IPTQ di Sarawak semakin banyak dari segi jumlahnya yang menawarkan program pengajian tahfiz al-Quran dalam pelbagai bentuk dan kaedah. Data terkini IPTQ yang berdaftar di bawah Majlis Islam Sarawak sebagaimana direkodkan oleh Bahagian Pengukuhan Pendidikan, Jabatan Agama Islam Sarawak sehingga Jun 2023 adalah berjumlah 34 buah pusat tahfiz swasta. Ia terdiri daripada 16 buah di Kuching, 6 buah di Samarahan, 3 buah di Bintulu, 2 buah di Serian, Miri, Betong dan Sibul, dan sebuah di Mukah, Limbang dan Kapit. Sementara Bahagian Serikei dan Sri Aman belum mempunyai pusat tahfiz swasta.

Rentetan daripada itu Azmil Hashim *et. al* (2014) menyatakan bahawa perkembangan kemunculan IPTQ di Malaysia secara umumnya membawa visi dan misi masing-masing sesuai dengan latar belakang pengasasnya terutamanya IPTQ persendirian. Lantaran itu IPTQ baharu ini tidak terikat dengan suatu standard PdP hafazan al-Quran. Bahkan guru tahfiz IPTQ tersebut bergantung penuh pada latar belakang pengalaman dan aras pendidikan tahfiz yang diperolehi terdahulu sama ada bercirikan dalam negeri mahupun luar negeri. Berikutan daripada itu, perjalanan proses PdP hafazan al-Quran tidak berpandukan kepada sesuatu standard yang diperakui oleh pihak berautoriti dan ketidakseragaman berlaku.

Azmil Hashim *et al.* (2014) mengulas lebih lanjut lagi dengan menjelaskan penemuan awal senario kaedah PdP hafazan di IPTQ yang baharu yang membimbangkan dan perlu diatasi segera. Perkara pertama adalah kebergantungan guru dengan kaedah PdP hafazan al-Quran yang sudah dilazimi dari dahulu lagi yang mereka warisi daripada guru-guru mereka yang terdahulu. Sungguhpun demikian, mereka juga mengakui keperluan penggunaan kaedah terkini berasaskan pekakas teknologi maklumat bagi membantu meningkatkan kualiti hafazan. Perkara kedua pula merujuk kepada pencapaian prestasi hafazan yang kurang memberangsangkan berikutan daripada kaedah PdP yang kaku dan tidak berkembang, selain daripada menyebabkan motivasi pelajar turut rendah. Lantaran itu, Azmil Hashim *et al.* (2014) merumuskan bahawa keperluan segera dalam memperbanyakkan peluang-peluang untuk menaik taraf kemahiran ikhtisas perguruan di kalangan guru tahfiz IPTQ supaya mereka dapat mempelajari dan menekuni kaedah PdP hafazan al-Quran yang komprehensif dan dinamik.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama artikel ini adalah untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di institusi pengajian tahfiz al-Quran terpilih, Daerah Kuching, Sarawak. Pemilihan Daerah Kuching ini disebabkan bahawa ia memenuhi prasyarat penentuan IPTQ yang memiliki empat kategori pemilihan iaitu sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat diploma, dan pengurusan swasta. Ciri-ciri ini tidak terdapat di Daerah-daerah lain di seluruh Sarawak kecuali di Daerah Kuching.

## **METODOLOGI**

Artikel ini ditulis berasaskan pengumpulan data kajian yang menggunakan metode tinjauan soal selidik. Perkara ini berkaitan dengan tahap pengetahuan dan persetujuan sebagai maklum balas responden kajian terhadap pelaksanaan kaedah-kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran. Bagi menjayakan metode soal selidik, Lim Chong Hin (2007) memberi panduan dengan mengesyorkan enam langkah asas dalam penyelidikan tinjauan soal selidik, sebagaimana berikut:

### **a. Langkah 1: Perancangan**

Pada langkah pertama, penyelidik menjelaskan objektif kajian iaitu untuk mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih Daerah Kuching, Sarawak. Dalam hal ini, pengkaji mengenal pasti dan menentukan kaedah PdP hafazan al-Quran terlebih dengan merangka dan membangunkan reka bentuk kajian. Dalam konteks kajian ini, penyelidik telah menetapkan dan menentukan terdapat enam pembolehubah bersandar. Manakala, enam konstruk dibina berdasarkan ubahsuai daripada kajian Azmil & Kamarul Azmi (2016) dan Sedek & Siti Sarah Wahidah (2014), sebagaimana dirumuskan dalam jadual 1.

**Jadual 1:** Huraian Enam konstruk kaedah PdP hafazan al-Quran

Enam Konstruk	Keterangan
Kaedah 1: <i>Talaqqi</i> > dan <i>musya&gt;fahah</i>	Guru memperdengarkan bacaan kemudian diikuti oleh pelajar ATAU pelajar membaca di hadapan guru yang menyemak dan memperbetulkan bacaan.
Kaedah 2: <i>Takri</i> > <i>r</i>	Pelajar mengulang-ulang bacaan ayat al-Quran beberapa kali sehingga dapat menghafaz dengan baik.
Kaedah 3: Kefahaman	Memahami makna ayat al-Quran sebelum menghafal al-Quran.
Kaedah 4: <i>Tasmi</i> >'	Menyemak bacaan dengan orang lain atau guru yang akan mendengar bacaannya.
Kaedah 5: <i>Tadarrus</i>	Menghafaz dan menyemak hafazan secara berkumpulan iaitu dengan membaca tanpa melihat mushaf, sementara orang lain mendengar, menyemak dan memperbetulkan kesalahan serta mengingatkan ayat-ayat yang terlupa.
Kaedah 6: <i>Kita</i> > <i>bah</i>	Menulis al-Quran yang telah dihafal.

**Sumber:** Adaptasi daripada Azmil & Kamarul Azmi (2016) dan Sedek & Siti Sarah Wahidah (2014)

### **b. Langkah 2 dan 3: Populasi dan Persampelan Kajian**

Kajian yang adalah dari jenis kuantitatif memandangkan ia menggunakan kaedah tinjauan soal selidik bagi mendapatkan data lapangan dengan meninjau pendapat responden. Sementara jenis prosedur persampelan adalah prosedur persampelan bukan kebarangkalian dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kaedah persampelan ini merujuk kepada prosedur persampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri-ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Ini menyebabkan subjek-subjek kajian lain dalam populasi tidak berpeluang untuk dipilih sebagai responden. (Chua Yan Piaw, 2011: 226) Ciri-ciri tertentu bagi responden kajian dibezakan mengikut premis institusi pengajian tahfiz al-Quran (IPTQ) di Daerah Kuching dibuat secara selektif.

Manakala penentuan saiz sampel kajian ini menggunakan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970) sebagai rujukan dalam menentukan saiz minimum sampel yang diperlukan. Namun begitu, penyelidik telah mengagihkan dan mengumpulkan jumlah tinjauan soal selidik berdasarkan jumlah sebenar populasi, iaitu (N=318), walaupun jumlah persampelan hanya meletakkan kadar 234 responden adalah memadai. Hal ini dilakukan bagi mengambil kira faktor tinjauan soal selidik yang tidak dikembalikan, tidak dijawab dengan lengkap dan *outliers*. Ini bermakna penyelidik membuat kutipan jumlah sampel yang melebihi daripada jumlah taburan tinjauan soal selidik. Butiran lanjut perkara ini ditunjukkan dalam jadual 2 di bawah.

**Jadual 2:** Klasifikasi pemilihan IPTQ Daerah Kuching dan jadual persampelan responden kajian

IPTQ	Ciri-ciri	Pelajar	
		N	S
1. IKMAS (Diploma Tahfiz) Institut Kemahiran Islam Malaysia, Jalan Telaga Air, Kuching	-IPT Kerajaan -Tahap Diploma	15	14
2. SHOAW (Tingkatan 4 dan 5) SMK Agama Sheikh Haji Othman Abdul Wahab, Kuching	-Sekolah Menengah Kerajaan -Tahap SPM	211	140
3. MATTARY (Tahun 6) Institut Pengajian Tahfiz MATTARY Kuching	-Sekolah Swasta -Tahap Sekolah Rendah	60	52
4. Darul Uloom Madrasah Darul Uloom Kuching	-Sekolah Persendirian -Tahap SPM	32	32
Jumlah		318	238

**Nota:** Penentuan jumlah persampelan berdasarkan Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie & Morgan (1970)

### c. Langkah 4: Pembinaan instrumen

Penyelidik telah memilih untuk menggunakan borang soal selidik bagi memperolehi data daripada responden. Instrumen tinjauan soal selidik ini telah dijalankan kajian rintis terhadap 30 pelajar tahfiz di Kuching. Hasil kajian rintis ini diadakan ujian kebolehpercayaan menerusi ujian Alpha Cronback dari perisian IBM SPSS *Statistic* 28. Keputusannya, skor  $\alpha$  adalah 0.617 menunjukkan instrumen kajian adalah boleh diterima dan dipercayai. Ini bersandarkan pendapat Ursachi, Horodnic, dan Zait (2015), yang memetik dapatan kajian Hulin, Netemeyer, dan Cudeck (2001) merumuskan bahawa peraturan yang diterima umum ialah  $\alpha$  antara 0.6-0.7 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Instrumen tinjauan soal selidik yang siap-guna ini mengandungi dua bahagian utama yang terdiri daripada butiran demografi responden, dan maklum balas responden terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran.

### d. Langkah 5: Pelaksanaan tinjauan soal selidik

Pelaksanaan pengumpulan data soal selidik dijalankan bermula pada 22 Februari 2023 hingga 27 Jun 2023. Ia dilakukan secara fizikal iaitu diagihkan borang kepada responden.

### e. Langkah 6: Analisis Data

Langkah terakhir adalah membuat analisis data daripada data-data yang telah dikumpul dan dimasukkan dalam alat perisian IBM SPSS *Statistic* 28. Pada tahap ini, penyelidik membuat laporan keputusan analisis data bentuk teks. Ia akan dicatatkan berdasarkan frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai sebagai statistik deskriptif. Oleh yang demikian, analisis deskriptif yang menggunakan skor min dan sisihan piawai adalah paling sesuai berdasarkan kajian Pallant (2013) yang menyatakan sesuatu analisis kajian itu hendaklah bersesuaian dengan objektif kajian agar dapat maklumat yang lebih tepat, menyeluruh dan lebih bermakna. Skor min diukur menggunakan interpretasi Nunnally & Bernstein (1994) dengan empat tahap pengukuran skor min iaitu 1.00-2.00 (Rendah), 2.0-3.00 (Sederhana Rendah), 3.01-4.00 (Sederhana Tinggi), dan 4.01-5.00 (Tinggi). Interpretasi skor min tersebut digunakan untuk menentukan tahap persetujuan atau penilaian responden. Skala interpretasi min ini juga berpandukan kepada skala yang ditetapkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dalam kajian yang telah dijalankan; umpamanya, Ghazali & Mohd Khairi (2013), Norfadhilah (2014), Shamsazila, Muhammad Faizal & Ghazali (2017).

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

### a. Analisis Demografi Responden

Jadual 3 menunjukkan taburan demografi silang premis kajian yang menjawab soalan kajian antara jantina dengan peringkat umur, dan etnik responden.

**Jadual 3:** Taburan demografi responden kajian

	Item Perbandingan		Jantina		Jumlah
			Lelaki	Perempuan	
1. Premis IKMAS	a. Peringkat Umur	19-25 tahun	6	9	15
		Jumlah	6	9	15
	b. Etnik	Melayu	5	8	13
		Melanau	0	1	1
		Lain-lain	1	0	1
Jumlah	6	9	15		
2. Premis SHOAW	a. Peringkat Umur	18 tahun dan ke bawah	113	92	205
		19-25 tahun	2	4	6
		Jumlah	115	96	211
	b. Etnik	Melayu	97	84	181
		Iban	0	1	1
		Bidayuh	1	0	1
		Melanau	15	9	24
		Cina	1	0	1
		Lain-lain	1	2	3
	Jumlah	115	96	211	
3. Premis MATTARY	a. Peringkat Umur	18 tahun dan ke bawah	43	17	60
		Jumlah	43	17	60
	b. Etnik	Melayu	40	15	55
		Melanau	3	2	5
		Jumlah	43	17	60
4. Premis Darul Uloom	a. Peringkat Umur	18 tahun dan ke bawah	32	0	32
		Jumlah	32	0	32
	b. Etnik	Melayu	25	0	25
		Iban	1	0	1
		Bidayuh	2	0	2
		Melanau	2	0	2
		Cina	2	0	2
	Jumlah	32	0	32	

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 3 di atas merupakan taburan demografi silang premis kajian antara jantina dengan peringkat umur, dan etnik responden. Ia melibatkan empat premis kajian dengan jumlah responden sebanyak 318 orang, dengan pecahan IKMAS (15 orang), SHOAW (211 orang), MATTARY (60 orang), dan Darul Uloom (32 orang). Bagi premis IKMAS (N=15), data taburan silang antara jantina dengan peringkat umur responden menunjukkan bahawa responden hanya berada pada satu peringkat umur sahaja iaitu peringkat umur 19 tahun hingga 25 tahun, dengan skor 15 orang iaitu 6 lelaki dan 9 perempuan. Manakala, data taburan silang antara jantina dengan etnik responden menunjukkan bahawa etnik yang paling tinggi adalah etnik Melayu, dengan skor 13 orang iaitu 5 lelaki dan 8 perempuan; diikuti pada kedudukan kedua etnik tertinggi responden adalah Melanau (1 perempuan), dan lain-lain etnik (1 lelaki).



Bagi premis SHOAW (N=211) pula, data taburan silang antara jantina dengan peringkat umur responden menunjukkan bahawa terdapat dua peringkat umur responden. Ia terdiri daripada peringkat 18 tahun dan ke bawah, dengan skor 205 orang iaitu 113 lelaki dan 92 perempuan; dan diikuti dengan peringkat umur 19 tahun hingga 25 tahun, dengan skor 6 orang iaitu 2 lelaki dan 4 perempuan. Manakala, data taburan silang antara jantina dengan etnik responden menunjukkan bahawa skor etnik yang paling tinggi adalah etnik Melayu, dengan skor 181 orang iaitu 97 lelaki dan 84 perempuan; diikuti pada kedudukan kedua etnik tertinggi responden adalah Melanau, dengan skor 24 orang iaitu 15 lelaki dan 9 perempuan; diikuti pula pada kedudukan ketiga etnik tertinggi responden adalah lain-lain etnik, dengan skor 3 orang iaitu 1 lelaki dan 2 perempuan; dan kedudukan terakhir jatuh pada etnik Iban (1 perempuan), Bidayuh (1 lelaki), dan Cina (1 lelaki).

Bagi premis MATTARY (N=60) pula, data taburan silang antara jantina dengan peringkat umur responden menunjukkan bahawa responden hanya berada pada satu peringkat umur sahaja iaitu peringkat umur 18 tahun dan ke bawah, dengan skor 60 orang iaitu 43 lelaki dan 17 perempuan. Manakala, data taburan silang antara jantina dengan etnik responden menunjukkan bahawa skor etnik yang paling tinggi adalah etnik Melayu, dengan skor 55 orang iaitu 40 lelaki dan 15 perempuan; dan diikuti pada kedudukan kedua etnik tertinggi responden adalah Melanau, dengan skor 5 orang iaitu 3 lelaki dan 2 perempuan.

Bagi premis Darul Uloom (N=32) pula, data taburan silang antara jantina dengan peringkat umur responden menunjukkan bahawa responden hanya berada pada satu peringkat umur sahaja iaitu peringkat umur 18 tahun dan ke bawah, dengan skor 32 orang dan semuanya lelaki. Manakala, data taburan silang antara jantina dengan etnik responden menunjukkan bahawa etnik yang paling tinggi adalah etnik Melayu, dengan skor 25 orang lelaki; dan diikuti pada kedudukan kedua etnik tertinggi responden adalah tiga etnik iaitu Bidayuh, Melanau, dan Cina (masing-masing skor 2 orang lelaki); dan kedudukan terendah adalah etnik Iban iaitu 1 lelaki.

### b. Analisis Umum Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah PdP Hafazan al-Quran

Data statistik kajian ini menggunakan analisis deskriptif yang merangkumi min, sisihan piawai, peratusan dan kekerapan telah digunakan, sebagaimana ditunjukkan dalam jadual 4.

**Jadual 4:** Skor min dan sisihan piawai kaedah PdP hafazan al-Quran

Kaedah PdP Hafazan al-Quran	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Kaedah 1 : Talaqqi dan Musyafahah	1.9876	.25570	Rendah
Kaedah 2: Takrir	1.9915	.31964	Rendah
Kaedah 3: Kefahaman	1.9856	.38383	Rendah
Kaedah 4: Tasmi'	2.0050	.26943	Rendah
Kaedah 5: Tadarrus	2.0363	.36693	Rendah
Kaedah 6: Kitabah	2.0816	.41794	Rendah
Keseluruhan	2.0146	.33558	Rendah

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 4 menunjukkan skor min dan sisihan piawai persepsi responden terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian mendapati persepsi responden terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran secara keseluruhannya berada pada tahap rendah (min = 2.01; s.p = 0.33). Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian memberi persepsi terhadap pemahaman, pengetahuan, pelaksanaan dan amalan kaedah PdP hafazan al-Quran di institusi terpilih masih lagi pada tahap yang rendah. Responden berpendapat bahawa amalan kaedah PdP hafazan al-

Quran belum lagi diamalkan sepenuhnya, bahkan ia masih menghadapi beberapa kekangan untuk diamalkan. Dapatan ini akan disokong oleh data yang diperoleh daripada maklum-balas soalan terbuka dalam borang kaji selidik ini. Dapatan ini akan diperincikan dalam bahagian seterusnya dengan melihat skor min bagi setiap item dalam setiap kaedah PdP hafazan al-Quran.

### c. Analisis Persepsi Responden Terhadap Kaedah 1: Talaqqi dan Musyafahah

Kaedah 1 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah Talaqqi dan Musyafahah. Dalam kaedah ini terdapat 5 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 5 berikut:

**Jadual 5:** Persepsi responden terhadap kaedah Talaqqi dan Musyafahah

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter-Pretasi	
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb				
Saya mengetahui kaedah Talaqqi dan Musyafahah.	294 (92.5)	22 (6.9)	2 (0.6)	1.06	.266	Sangat rendah	
Saya pernah mendengar kaedah Talaqqi dan Musyafahah.	271 (85.2)	44 (13.8)	3 (0.9)	1.12	.352	Sangat rendah	
Saya mengamalkan kaedah Talaqqi dan Musyafahah.	238 (74.8)	73 (23.0)	7 (2.2)	1.22	.454	Sangat rendah	
Tahap penerimaan kaedah Talaqqi dan Musyafahah.	Skala*						
	1	2	3	4	5	#	
	5 (1.6)	9 (2.8)	112 (35.2)	118 (37.1)	61 (19.2)	13 (4.1)	4.11 .967 Tinggi

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden terhadap kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai kaedah 1 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperolehi skor min 4.11 dengan s.p. = 0.97. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi yang baik terhadap kaedah Talaqqi dan Musyafahah ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan item 3 memperolehi skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.06, s.p. = 0.26), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.12, s.p. = 0.35), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.22, s.p. = 0.45). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah.

Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah Talaqqi dan Musyafahah), dapatan soal selidik menunjukkan 294 responden (92.5%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 22 responden (6.9.0%) yang menyatakan 'tidak', dan 2 responden (0.6%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden mengetahui kaedah 1 ini iaitu kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah Talaqqi dan Musyafahah), dapatan soal selidik menunjukkan 271 responden (85.2%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 44 responden (13.8%) yang menyatakan 'tidak', dan 3 responden (0.7%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 1 ini iaitu kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Dapatan soal selidik yang sama juga boleh dilihat dalam item 3 (Saya mengamalkan kaedah Talaqqi dan Musyafahah), di mana data menunjukkan seramai 238 responden (74.8%) menyatakan 'ya'

bagi item ini, berbanding 73 responden (23.0%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 7 responden (2.2%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini juga menunjukkan hampir keseluruhan responden mengamalkan kaedah 1 ini iaitu kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Selanjutnya bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah Talaqqi dan Musyafahah) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap baik seramai 118 responden (37.1%), diikuti tahap sederhana seramai 112 responden (35.2%), kemudian tahap sangat baik seramai 61 responden (19.2%). Sementara skor tahap lemah pula meliputi 9 orang (2.8%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 5 responden (1.6%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 13 orang (4.1%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang tinggi dan majoriti besar ini iaitu 291 responden (91.5%) menggambarkan hampir keseluruhan responden membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 1 ini iaitu kaedah Talaqqi dan Musyafahah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

#### d. Analisis Persepsi Responden Terhadap Kaedah 2: Takrir

Kaedah 2 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah Takrir. Dalam kaedah ini terdapat 4 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 6.

**Jadual 6:** Persepsi responden terhadap kaedah Takrir

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter-Pretasi
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb			
Saya mengetahui kaedah Takrir.	303 (95.3)	13 (4.1)	2 (0.6)	1.05	.245	Sangat rendah
Saya pernah mendengar kaedah Takrir.	276 (86.8)	40 (12.6)	2 (0.6)	1.12	.344	Sangat rendah
Saya mengamalkan kaedah Takrir.	291 (91.5)	21 (6.6)	6 (1.9)	1.09	.339	Sangat rendah
	Skala*					
	1	2	3	4	5	#
Tahap penerimaan kaedah Takrir.	4 (1.3)	11 (3.5)	59 (18.6)	135 (42.5)	90 (28.3)	19 (6.0)
	4.11	.967				Tinggi

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 6 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden terhadap kaedah Takrir sebagai kaedah 2 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperoleh skor min 4.11 dengan s.p = 0.96. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi yang baik terhadap kaedah Takrir ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan item 3 memperoleh skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.05, s.p. = 0.24), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.12, s.p. = 0.34), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.09, s.p. = 0.33). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah.

Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah Takrir), dapatan soal selidik menunjukkan 303 responden (95.3%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 13 responden (4.1.0%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 2 responden (0.6%) pula tidak memberi maklum balas. Skor

yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden mengetahui kaedah 2 ini iaitu kaedah Takrir sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah Takrir), dapatan soal selidik menunjukkan 276 responden (86.8%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 40 responden (12.6%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 2 responden (0.6%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 2 ini iaitu kaedah Takrir sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Dapatan soal selidik yang sama juga boleh dilihat dalam item 3 (Saya mengamalkan kaedah Takrir), di mana data menunjukkan seramai 291 responden (91.5%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 21 responden (6.6%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 6 responden (1.9%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini juga menunjukkan hampir keseluruhan responden mengamalkan kaedah 2 ini iaitu kaedah Takrir sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Selanjutnya bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah Takrir) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap baik seramai 135 responden (42.5%), diikuti tahap sangat baik seramai 90 responden (28.3%), kemudian tahap sederhana seramai 59 responden (18.6%). Sementara skor tahap lemah pula meliputi 11 orang (3.5%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 4 responden (1.3%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 19 orang (6.0%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang tinggi dan majoriti besar ini, iaitu 284 responden (89.3%) menggambarkan hampir keseluruhan responden membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 2 ini iaitu kaedah Takrir sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

### e. Analisis Persepsi Responden Terhadap Kaedah 3: Kefahaman

Kaedah 3 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah kefahaman. Dalam kaedah ini terdapat 5 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 7.

**Jadual 7:** Persepsi responden pelajar terhadap kaedah kefahaman

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter-Pretasi			
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb						
Saya mengetahui kaedah kefahaman.	256 (80.5)	62 (19.5)	-	1.16	.371	Sangat rendah			
Saya pernah mendengar kaedah kefahaman.	281 (88.4)	37 (11.6)	-	1.10	.300	Sangat rendah			
Saya mengamalkan kaedah kefahaman.	157 (49.4)	156 (49.1)	5 (1.6)	1.45	.522	Sangat rendah			
	Skala*								
Tahap penerimaan kaedah kefahaman.	1	2	3	4	5	#			
	23 (7.2)	53 (16.7)	91 (28.6)	66 (20.8)	42 (13.2)	43 (13.5)	3.57	1.384	Tinggi

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 7 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden pelajar terhadap kaedah kefahaman sebagai kaedah 3 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperolehi skor min 3.57 dengan s.p = 1.38. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi pelajar yang baik terhadap kaedah kefahaman ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan

item 3 memperoleh skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.16, s.p. = 0.37), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.10, s.p. = 0.3), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.45, s.p. = 0.52). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah. Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah kefahaman), dapatan soal selidik menunjukkan 256 responden (80.5%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 62 responden (19.5.0%) yang menyatakan 'tidak'. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden mengetahui kaedah 3 ini iaitu kaedah kefahaman sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah kefahaman), dapatan soal selidik menunjukkan 281 responden (88.4%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 37 responden (11.6%) yang menyatakan 'tidak'. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 3 ini iaitu kaedah kefahaman sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Persepsi pelajar yang berlainan pula diperolehi bagi item 3 (Saya mengamalkan kaedah kefahaman), di mana data menunjukkan seramai 157 responden (49.4%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 156 responden (49.1%) yang menyatakan 'tidak', dan 5 responden (1.6%) pula tidak memberi maklum balas. Data ini menunjukkan kurang dari separuh responden (49.4%) yang mengesahkan kaedah 3 ini iaitu kaedah kefahaman sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Sementara bakinya (50.4%) pula mengesahkan tidak menjadikan kaedah kefahaman sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Selanjutnya bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah kefahaman) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap sederhana seramai 91 responden (28.6%), diikuti tahap baik seramai 66 responden (20.8%), kemudian tahap lemah seramai 53 responden (16.7%). Sementara skor tahap sangat baik pula meliputi 42 orang (13.2%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 23 responden (7.2%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 43 orang (13.5%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang agak besar iaitu sejumlah 199 responden (62.58%) menggambarkan melebihi separuh responden membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 3 ini iaitu kaedah kefahaman sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

### f. Analisis Persepsi Responden Terhadap Kaedah 4: Tasmi‘

Kaedah 4 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah Tasmi‘. Dalam kaedah ini terdapat 4 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 8 berikut:

**Jadual 8:** Persepsi responden terhadap kaedah Tasmi‘

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter- Pretasi
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb			
Saya mengetahui kaedah Tasmi‘.	314 (98.7)	-	4 (1.3)	1.02	.199	Sangat rendah
Saya pernah mendengar kaedah Tasmi‘.	307 (96.5)	6 (1.9)	5 (1.6)	1.04	.256	Sangat rendah
Saya mengamalkan kaedah Tasmi‘.	311 (97.8)	3 (0.9)	4 (1.3)	1.03	.216	Sangat rendah
	Skala*					
	1	2	3	4	5	#
Tahap penerimaan kaedah Tasmi‘.	3 (0.9)	8 (2.5)	54 (17.0)	106 (33.3)	132 (41.5)	15 (4.7)
				4.34	.893	Sangat Tinggi

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 8 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden terhadap kaedah Tasmi‘ sebagai kaedah 4 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang sangat tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperolehi skor min 4.34 dengan s.p. = 0.89. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi pelajar yang baik terhadap kaedah Tasmi‘ ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan item 3 memperolehi skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.02, s.p. = 0.19), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.04, s.p. = 0.25), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.03, s.p. = 0.21). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah.

Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah Tasmi‘), dapatan soal selidik menunjukkan 314 responden (98.7%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 4 responden (1.3%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pelajar mengetahui kaedah 4 ini iaitu kaedah Tasmi‘ sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah Tasmi‘), dapatan soal selidik menunjukkan 307 responden (96.5%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 6 responden (1.9%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 5 responden (1.6%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 4 ini iaitu kaedah Tasmi‘ sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Dapatan soal selidik yang sama juga boleh dilihat dalam item 3 (Saya mengamalkan kaedah Tasmi‘), di mana data menunjukkan seramai 311 responden (97.8%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 3 responden (0.9%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 4 responden (1.3%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini juga menunjukkan hampir keseluruhan responden mengamalkan kaedah 3 ini iaitu kaedah Tasmi‘ sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Sementara bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah Tasmi‘) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap sangat baik

seramai 132 responden (41.5%), diikuti tahap baik seramai 106 responden (33.3%), kemudian tahap sederhana seramai 54 responden (17.0%). Sementara skor tahap lemah pula meliputi 8 orang (2.5%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 3 responden (0.9%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 15 orang (4.7%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang tinggi dan majoriti besar ini, iaitu 292 responden (91.82%) menggambarkan hampir keseluruhan responden pelajar membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 4 ini iaitu kaedah Tasmi' sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

### g. Analisis Persepsi Responden Pelajar Terhadap Kaedah 5: Tadarrus

Kaedah 5 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah Tadarrus. Dalam kaedah ini terdapat 4 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 9.

**Jadual 9:** Persepsi responden terhadap kaedah Tadarrus

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter-Pretasi	
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb				
Saya mengetahui kaedah Tadarrus.	278 (87.4)	35 (11.0)	5 (1.6)	1.12	.199	Sangat rendah	
Saya pernah mendengar kaedah Tadarrus.	295 (92.8)	19 (6.0)	4 (1.3)	1.07	.256	Sangat rendah	
Saya mengamalkan kaedah Tadarrus.	193 (60.7)	119 (37.4)	6 (1.9)	1.36	.216	Sangat rendah	
	Skala*						
Tahap penerimaan kaedah Tadarrus.	1	2	3	4	5	#	4.00 .893 Sangat Tinggi
	2 (0.6)	26 (8.2)	90 (28.3)	94 (29.6)	64 (20.1)	42 (13.2)	

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 9 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden terhadap kaedah Tadarrus sebagai kaedah 5 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperolehi skor min 4.0 dengan s.p = 0.89. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi yang baik terhadap kaedah Tadarrus ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan item 3 memperolehi skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.12, s.p. = 0.19), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.07, s.p. = 0.25), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.36, s.p. = 0.21). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah.

Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah Tadarrus), dapatan soal selidik menunjukkan 278 responden (87.4%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 35 responden (11.0%) yang menyatakan 'tidak', dan 5 responden (1.6%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden mengetahui kaedah 5 ini iaitu kaedah Tadarrus sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah Tadarrus), dapatan soal selidik menunjukkan 295 responden (92.8%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 19 responden (6.0%) yang menyatakan 'tidak', dan 4 responden (1.3%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 5 ini iaitu kaedah Tadarrus sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Dapatan soal selidik yang sama juga boleh dilihat dalam item 3 (Saya mengamalkan kaedah Tadarrus), di mana data menunjukkan seramai 193 responden (60.7%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 119 responden (37.4%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 6 responden (1.9%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini juga menunjukkan hampir keseluruhan responden mengamalkan kaedah 3 ini iaitu kaedah Tadarrus sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Sementara bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah Tadarrus) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap baik seramai 94 responden (29.6%), diikuti tahap sederhana seramai 90 responden (28.3%), kemudian tahap sangat baik seramai 64 responden (20.1%). Sementara skor tahap lemah pula meliputi 26 orang (8.2%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 2 responden (0.6%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 42 orang (13.2%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang tinggi dan majoriti besar ini, iaitu 248 responden (77.98%) menggambarkan hampir keseluruhan responden pelajar membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 5 ini iaitu kaedah Tadarrus sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

#### h. Analisis Persepsi Responden Terhadap Kaedah 6: Kitabah

Kaedah 6 dalam PdP hafazan al-Quran yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah kaedah Kitabah. Dalam kaedah ini terdapat 4 pernyataan/item bagi mengukur persepsi responden kajian. Dapatan kajian dipaparkan dalam jadual 10.

**Jadual 10:** Persepsi responden terhadap kaedah Kitabah

Pernyataan/Item	Skala			Min	S.P.	Inter-Pretasi	
	Ya	Tidak	Tdk Mjwb				
Saya mengetahui kaedah Kitabah.	267 (84.0)	47 (14.8)	4 (1.3)	1.16	.409	Sangat rendah	
Saya pernah mendengar kaedah Kitabah.	267 (84.0)	47 (14.8)	4 (1.3)	1.15	.407	Sangat rendah	
Saya mengamalkan kaedah Kitabah.	232 (73.0)	81 (25.5)	5 (1.6)	1.25	.478	Sangat rendah	
	Skala*						
	1	2	3	4	5	#	
Tahap penerimaan kaedah Kitabah.	6 (1.9)	20 (6.3)	60 (18.9)	105 (33.0)	77 (24.2)	50 (15.7)	4.23 .775 Sangat Tinggi

**Nota:** Skala\* merujuk kepada 1 (sangat lemah), 2 (lemah), 3 (sederhana), 4 (baik), 5 (sangat baik), # (tidak ada maklum balas)

**Sumber:** Data soal selidik (2023)

Jadual 10 menunjukkan taburan kekerapan persepsi responden terhadap kaedah Kitabah sebagai kaedah 6 PdP hafazan al-Quran di institusi tahfiz terpilih di Daerah Kuching. Hasil kajian menunjukkan terdapat 1 item (item 4) berada pada kekerapan yang sangat tinggi dalam kaedah ini. Item 4 ini memperolehi skor min 4.23 dengan s.p = 0.77. Skor data ini adalah gambaran penerimaan persepsi yang baik terhadap kaedah Kitabah ini. Sementara 3 item yang lain iaitu item 1, item 2 dan item 3 memperolehi skor yang sangat rendah. Ia terdiri daripada item 1 mengenai pengetahuan terhadap kaedah (min=1.16, s.p. = 0.41), item 2 mengenai pernah mendengar kaedah ini (min = 1.15, s.p. = 0.41), dan item 3 mengenai mengamalkan kaedah ini (min = 1.25, s.p. = 0.48). Ini bermaksud interpretasi skor min bagi majoriti item dalam dimensi ini berada pada sangat rendah.

Sungguhpun demikian, maklum balas responden terhadap per item menunjukkan skor yang sangat tinggi. Umpamanya bagi item 1 (Saya mengetahui kaedah Kitabah), dapatan soal selidik menunjukkan 267 responden (84.0%) menyatakan ‘ya’ bagi item ini, berbanding 47 responden (14.8%) yang menyatakan ‘tidak’, dan 4 responden (1.3%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden mengetahui kaedah 6 ini iaitu



kaedah Kitabah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran. Begitu juga bagi item 2 (Saya pernah mendengar kaedah Kitabah), dapatan soal selidik menunjukkan 267 responden (84.0%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 47 responden (14.8%) yang menyatakan 'tidak', dan 4 responden (1.6%) yang tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini menunjukkan hampir keseluruhan responden pernah mendengar kaedah 6 ini iaitu kaedah Kitabah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Dapatan soal selidik yang sama juga boleh dilihat dalam item 3 (Saya mengamalkan kaedah Kitabah), di mana data menunjukkan seramai 232 responden (73.0%) menyatakan 'ya' bagi item ini, berbanding 81 responden (25.5%) yang menyatakan 'tidak', dan 5 responden (1.6%) pula tidak memberi maklum balas. Skor yang tinggi dan majoriti besar ini juga menunjukkan hampir keseluruhan responden mengamalkan kaedah 6 ini iaitu kaedah Kitabah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

Sementara bagi item 4 (Tahap penerimaan kaedah Kitabah) juga menunjukkan skor penerimaan yang sangat tinggi. Dapatan soal selidik menunjukkan skor paling tinggi adalah pada tahap baik seramai 105 responden (33.0%), diikuti tahap sangat baik seramai 77 responden (24.2%), kemudian tahap sederhana seramai 60 responden (18.9%). Sementara skor tahap lemah pula meliputi 20 orang (6.3%) dan skor tahap sangat lemah pula merangkumi 6 responden (1.9%). Manakala terdapat responden yang tidak memberi maklum balas iaitu seramai 50 orang (15.7%). Dapatan ini menunjukkan bahawa skor yang tinggi dan majoriti besar ini, iaitu 242 responden (76.10%) menggambarkan hampir keseluruhan responden pelajar membuat pengakuan positif terhadap amalan kaedah 6 ini iaitu kaedah Kitabah sebagai salah satu kaedah PdP hafazan al-Quran.

## PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran di Daerah Kuching tahap penerimaan yang berbeza antara satu kaedah dengan kaedah PdP yang lain. Dapatan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga kategori tahap penerimaan, iaitu sangat tinggi, tinggi, dan sederhana.

Pada kategori pertama yang menunjukkan dapatan penerimaan yang sangat tinggi di kalangan pelajar diperolehi oleh Kaedah 4 dan Kaedah 1. Data survei menunjukkan bahawa Kaedah 4: *Tasmi*>' memperoleh skor paling tinggi iaitu 292 responden (91.82%). Ia diikuti dengan Kaedah 1: *Talaqqi*> dan *musya*>*fahah* dengan memperoleh kurang 1 responden berbanding dengan Kaedah 4. Skor yang diperolehi Kaedah 1: *Talaqqi*> dan *musya*>*fahah* ialah 291 responden (91.5%). Secara tidak langsung kedua-dua kaedah PdP ini mempunyai hubungan langsung, dan saling berkaitan. Dapatan kajian ini seiring dengan dapatan kajian penyelidikan-penyelidikan yang lain seperti Norhisham et. al (2019), Ab. Halim et. al (2013), al-Kailani (1986), Azmil et al. (2013), dan Azarudin Awang et. al (2011), dan Sedek bin Ariffin (2009).

Kedua-dua kaedah ini sebagai kaedah-kaedah asas, merupakan mekanisme pengajaran guru yang sangat mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar terhadap PdP hafazan al-Quran, bahkan ia melibatkan komunikasi dua hala dan koreksi secara langsung. Aktiviti berterusan seperti ini memberi implikasi dimana apa-apa jua maklumat dan ilmu yang disampaikan oleh guru serta sikap dan akhlak guru juga akan terus terpasak dalam minda pelajar. Apatah lagi, menurut Abu Najihat (2002), dan Abu al-Fida' (2006), aktiviti berterusan ini merupakan kaedah asas dalam pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran dan juga merupakan kaedah yang telah dilaksanakan oleh Jibril AS dan Rasulullah SAW dalam menghafaz al-Quran semasa turunnya wahyu. Kaedah ini bertujuan memastikan bacaan pelajar dan hafazan pelajar bertepatan dengan hukum tajwid dan *fas*{*ah*}*ah* al-Quran serta menjamin kesahihan hafazan al-Quran. Guru berperanan memastikan bacaan pelajar dan membetulkan bacaan pelajar, manakala pelajar pula berperanan mencontohi bacaan guru dan memperdengarkan bacaannya kepada guru. Selepas melakukan amalan *takri*>*r* pelajar dikehendaki memperdengarkan hafazannya di

hadapan guru untuk memastikan kesahihan hafazannya (Abu Najihat, 2002).

Selanjutnya peringkat kedua pula menunjukkan dapatan penerimaan yang tinggi di kalangan pelajar diperolehi oleh 3 kaedah iaitu Kaedah 2, Kaedah 5, dan Kaedah 6. Data survei menunjukkan bahawa Kaedah 2: *Takri>r* memperoleh skor ketiga tertinggi iaitu 284 responden (89.3%). Seterusnya diikuti oleh Kaedah 5: *Tadarrus* sebagai skor keempat tertinggi iaitu 248 responden (77.98%). Sementara diikuti oleh Kaedah 6: *Kita>bah* berada pada skor kelima tertinggi iaitu 242 responden (76.10%). Tidak dinafikan ketiga-tiga kaedah ini merupakan kaedah-kaedah yang membantu pelaksanaan dan pencapaian objektif PdP hafazan al-Quran kepada dua kaedah asas tadi. Umpamanya, Kaedah 2: *Takri>r* ini diterima sebagai kaedah penting dalam menentukan kepada kekuatan hafazan pelajar sebagaimana ditegaskan oleh beberapa penyelidik lain seperti al-Qabisi (1955), Ahwani (1955), Muhammad Muhsin (1994), Abu al-Fida' (2006), Abu Najihat (2002), al-Syarbini (2004), dan Mohd Farouq (1427H). Terdapat penyelidik bidang hafazan al-Quran seperti Abd Rahman Abd Ghani (2016:7-8) yang menanggapi konsep *takri>r* ini sebagai amalan bersifat tradisional yang berupa latih tubi terhadap hafazan ulangan yang dilakukan hampir sepanjang waktu pembelajaran. Beliau secara umumnya menggambarkan amalan ini dengan situasi di mana guru-guru tahfiz masuk ke kelas dan duduk di hadapan menunggu pelajar datang *tasmi>* 'kepadanya. Pelajar yang datang *tasmi>* ' pula terus membaca dan ditegur sekiranya berlaku kesalahan dalam bacaan mereka. Itulah yang berlaku sehingga pelajar khatam 30 juz al-Quran.

Sementara Kaedah 5: *Tadarrus* juga perlu ditekuni bersama-sama dengan empat kaedah PdP yang terdahulu. Ini memandangkan sebagaimana dijelaskan oleh Muhammad Muhsin (1994), Abu Najihat (2002), dan Mohd Farouq (1427H), bahawa aktiviti *Tadarrus* dalam PdP hafazan al-Quran merupakan kaedah menghafaz dan menyemak hafazan secara berkumpulan, iaitu pelajar membaca al-Quran tanpa melihat *mus}h}af* dan pelajar yang lain mendengar, menyemak dan memperbetulkan sekiranya terdapat kesalahan, kesilapan atau terlupa ayat al-Quran. Kadang-kadang pelajar melakukan *takri>r* hafazan bersendirian tanpa menyedari bahawa beliau melakukan kesalahan dalam hafazan tersebut. Kesilapan ini akan berlarutan kerana tiada siapa yang akan memperbaiki bacaannya sehinggalah kesalahan itu diketahui apabila disemak oleh orang lain. Lebih jauh lagi H. Zamakhsyari (2016) merumuskan bahawa salah satu hak al-Quran atas umat Islam bukan sekadar dibaca, dipahami, *ditadabburi*, tetapi juga diamalkan. Lantaran itu, kajian al-Quran perlu dilakukan dengan berbagai tahapannya itu disebut dengan *tadarrus* al-Quran, bukan dengan pengertian *tadarrus* al-Quran pada masa kini hanya dibatasi dalam ruang lingkup membaca al-Quran, tetapi difahami sebagai makna *tadarrus*, kesegeraannya, tahapan pelaksanaannya, hingga manfaat yang dapat diperoleh dari *tadarrus*, serta memperbetulkan beberapa pandangan yang kurang tepat berkaitan ibadah ini.

Manakala Kaedah 6: *Kita>bah* pula merupakan kaedah sokongan yang membantu dan mengukuhkan hafazan al-Quran. Beberapa kajian lain seperti al-Qabisi (1955), Muhammad Muhsin (1994), Abu al-Wafa' (1999), dan Abu al-Fida' (2006), menjelaskan bahawa penggunaan pelbagai deria dengan menggunakan tangan dalam menghafaz al-Quran akan memperkukuhkan ingatan pelajar terutama pada ayat yang susah dan ayat *mutasya>biha>t*. Penulisan ini juga boleh dilakukan berulang-ulang kali untuk memantapkan hafazan dan mengelakkan hafazan daripada mudah lupa. Dalam kaedah ini pelajar juga akan menulis ayat al-Quran sama seperti kedudukannya dalam *mus}h}af*.

Seterusnya peringkat ketiga pula menunjukkan dapatan penerimaan yang sederhana di kalangan pelajar berada pada Kaedah 3: Kefahaman yang memperoleh skor 199 responden (62.58%). Menerusi kaedah kefahaman ini sebagaimana diulas oleh Ahwani (1955), al-Syarbini (2004), dan Abu al-Fida' (2006), mengungkapkan bahawa pelajar hendaklah memahami ayat dan makna kalimah ayat al-Quran semasa menghafaz. Kaedah kefahaman ini merupakan kaedah yang membantu dalam menghafaz dan mengukuhkan hafazan. Dengan memahami maksud ayat dan kalimah, pelajar akan dapat menumpukan perhatian terhadap ayat yang dihafaz semasa amalan *takri>r*. Hal ini akan menambahkan kekhayusan dan dapat membaca ayat al-Quran secara *tadabbur* dan baik. Bahkan Abdul Hafiz & Nur Safazilah (2016) menambah bahawa dengan kaedah ini, pelajar akan bukan hanya lebih mudah menghafaz al-Quran, bahkan juga mereka dapat memahami dan menghayati dengan lebih mendalam terhadap kandungan al-Quran tersebut melalui terjemahan, tafsiran dan *asba>b al-nuzu>l*.

## PENUTUP

Kajian ini adalah untuk menganalisis persepsi pelajar terhadap pelaksanaan kaedah pengajaran dan pembelajaran hafazan al-Quran di institusi pengajian tahfiz al-Quran terpilih, Daerah Kuching, Sarawak. Terdapat enam kaedah PdP hafazan al-Quran yang diteliti. Dapatan kajian mengenai turutan kelas keutamaan persepsi penerimaan pelajar terhadap kaedah PdP hafazan al-Quran dari yang tertinggi kepada yang terendah adalah seperti berikut Kaedah 4: *Tasmi*> (292 responden, 91.82%), Kaedah 1: *Talaqqi*> dan *musya>fahah* (291 responden, 91.5%), Kaedah 2: *Takri>r* (284 responden, 89.3%), Kaedah 5: *Tadarrus* (248 responden, 77.98%), Kaedah 6: *Kita>bah* (242 responden, 76.10%), dan Kaedah 3: Kefahaman (199 responden, 62.58%). Secara keseluruhannya hasil kajian ini mengesahkan keenam-enam kaedah ini masih lagi mendapat perhatian dan penekanan di kalangan penghafaz al-Quran. Para pelajar perlu komited dan bersungguh-sungguh dalam melaksanakan keenam-enam kaedah PdP ini supaya objektif PdP hafazan al-Quran dapat dicapai dengan lebih baik.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Ahmad Munawar Ismail, Amal Hayati Md. Noor, dan Mohd Izzuddin Mohd Pisol. (2013). Penilaian guru terhadap pelaksanaan model-model tilawah al-Quran Program j-QAF. *International Journal of Islamic Thought*.
- Abd Rahman Abd Ghani. (2016). Pembangunan sistem pendidikan guru tahfiz di Malaysia ke arah melahirkan tenaga kerja terlatih, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd dan Nordin Ahmad, *Memperkasa generasi penghafaz al-Quran*, Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 5-9.
- Abdul Hafiz bin Haji Abdullah, dan Nur Safazilah binti Maksom. (2016). Sistem pengajaran dan pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim, Kg. Tengah, Kluang, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa generasi penghafaz al-Quran*, Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 23-34.
- Abu al-Fida'. (2006). *Kaifa nahfazu al-Quran*. Al-Qahirah: Dar al-Salam.
- Abu al-Wafa, Aliyallah Ali. (1999). *Al-Nur al-mubin li tahfiz al-Quran al-Karim*. Al-Qahirah: Dar al-Wafa'.
- Abu Najihat. (2002). *Panduan bagi hafiz hafizah dan qari dan qariah*. Selangor: Darul Iman.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *Al-tarbiyyah fi al-Islam aw ta'alim fi ra'yi al-Qabisi*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Kailani, Taysir. (1986). *al-Taujih al-Fanni fi Usul al-Tarbiyyah wa al-Tadris*. Beirut: Maktabah Lebanon.
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-Risalah al-mufassolah li ahwal al-mu'allimin wa ahkam al-mu'allimin wa al-muta'allimin*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyyah.
- Al-Syarbini, Ibrahim Abdul Mun'im. (2004). *Al-Sabil ila al-jinan bi bayan kaifa yuhfazu al-Quran*. Zaqaziq: Dar Ibnu Kathir.
- Azarudin Awang, Azman Che Mat Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub. (2011). Tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar di UiTM. *Asean journal of teaching and learning in higher education* 3(2). Selangor: Penerbit UKM Press.
- Azmil Hashim dan Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran tahfiz al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, dan Misnan Jemali. (2013). Latar belakang guru tahfiz dan amalan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di Malaysia. *The online journal of Islamic education* 1(1).
- Azmil Hashim, Ab. Halim Tamuri, Misnan Jemali, dan Aderi Che Noh. (2014). Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar, *Journal of al-Quran and tarbiyyah* 1(1), 9-16.
- Ghazali, D., dan Mohd Khairi, H. (2013). Penilaian tahap amalan pelaksanaan kursus pengajian Islam dan hubungannya dengan tingkah laku pelajar. *Proceeding of the global summit on education*, 2013 (March), 11-12.
- H. Zamakhsyari bin Hasballah Thaib. (2016). Tadarus Alquran: Urgensi, tahapan, dan penerapannya, *Almufida I* (1) Juli-Desember 2016, 21-48
- Hulin, C., Netemeyer, R., and Cudeck, R. (2001). Can a reliability coefficient be too high? *Journal of consumer psychology* 10, (Nr. 1) 55-58.
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. Shah Alam: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Misnu Taha. (2019). Teks ucapan alu-Aluan Yang Berbahagia Datu Haji Misnu bin Haji Taha, Yang Dipertua Majlis Islam Sarawak sempena majlis tilawah dan menghafaz al-Quran peringkat Negeri Sarawak 1440H/2019M, 25 Februari 2019, Dewan Majma Tuanku Abdul Halim Mua'dzam Shah, Kompleks Islam Sarawak, Kuching, Sarawak. <<https://www.oldkuchingsmartheritage.my/2020/12/09/majlis-sambutan-10-tahun-mattarykuching-9-12-20-yang-amat-berhormat-datuk/>>
- Mohd Farouq Mohd al-Raiy. (1427H). *Al-Tariqah al-'amaliyyah li al-ta'allumi wa ta'alim al-Quran hifzan wa tilawatan bi al-tajwid wa al-itqan*. Jeddah: Syirkah al-Madinatul Munawwarah litaba'ah wal-Nasyr.
- Mohd Fauzi Hamad dan Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2012). Tinjauan kepentingan pembangunan modal insan di Malaysia, *Jurnal Al-Tamaddun* 7(1), 75-89.
- Muhammad Muhsin Syeikh Ahmad. (1994). *Al-Quran dan cara-cara menghafaz*. Shah Alam: Perpustakaan Darul Quran.
- Muhammad Zulazizi Mohd Nawawi, Mohd Rashidi Omar, Muhammad Amirul Mohd Nor. (2021). Sistem pendidikan tahfiz di Malaysia, pilihan ibu bapa dan warisan pendidikan Islam Andalus: satu sorotan, *Asian People Journal* 4(1), 132-147.
- Norfadhilah Binti Nasrudin. (2014). *Penilaian pencapaian objektif program pembudayaan keusahawanan (PPK) di Politeknik Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi.
- Norhisham bin Muhamad, Azmil bin Hashim, Wahyu Hidayat bin Abdullah, Muhammad Akramin bin Kamarul Zaman, dan Fatin Ardani binti Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum DINI SABK di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4 (32), 273-283.
- Nunnally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory*, 3rd ed. New York: McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2013). *SPSS A step by step guide to data analysis using IBM SPSS-Survival Manual* (5th edition). New York: Mc Graw Hill.
- Rusli Ahmad, Hasbee Usop, Azman Ismail, Sopian Bujang dan Nur Naha Abu Mansor. (2014). *Conducting research in social sciences and management studies*. Kuching: RS Publishing House.
- Saim Kayadibi. (2018). *Principles of Islamic law: the methods of interpretation*. Selangor: Islamic Book Trust.
- Sedek Ariffin dan Siti Sarah Wahidah Wahid. (2014). *Kajian metodologi hafazan al-Quran*. Kuala Lumpur: *Jabatan al-Quran dan al-Hadith*. Universiti Malaya: APIUM.
- Sedek bin Ariffin. (2009). Kepentingan talaqqi dan musyafahah dalam pembacaan al-Quran. *Jurnal Darul Quran* 13. Kuala Kubu Baru: Darul Quran.
- Shamsazila, Muhammad Faizal & Ghazali. (2017). Pelaksanaan program i-Think di Sekolah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: satu kajian awal. *Jurnal kepimpinan pendidikan* 4 (1), 72-106.
- Siti Arni Basir. (2004). Pembangunan sumber manusia menurut perspektif Islam, *Jurnal Usuluddin* 19, 211-228.
- Solahuddin Ismail. (2016). Institusi tahfiz di Malaysia: prospek dan cabaran, dlm. Mohd. Yakub Zulkifli Haji Mohd Yusoff dan Nordin Ahmad, *Memperkasa generasi penghafaz al-Quran*, Kuala Kubu Bharu Selangor: Darul Quran JAKIM, dan Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research Universiti Malaya, 194-201.
- Ursachi, G., Horodnic, I. A., and Zait, A. (2015). How reliable are measurement scales? External factors with indirect influence on reliability estimators. (7th International Conference on Globalization and Higher Education in Economics and Business Administration, GEBA 2013). *Procedia Economics and Finance* 20, 679 – 686.